

FPP BizNewz

eISSN 2600-9811

June - November 2021

INVESTMENT MANAGEMENT ECONOMICS MARKETING TECHNOLOGY

MERDEKA

EKONOMI 2021

ANXIETY DISORDER

Jangan Ambil Mudah

Do We Look Older Or Younger Than We Really Are?

SOLAH

A Testimony of Success

MUSLIM FRIENDLY TOURISM

The Promising Tourism Segments For Malaysia

To Online Or Not?

JEBAT Si Maine Coon

Photo by Polina Kuzovkova on Unsplash



SUKARELAWAN PPV

SATU PENGALAMAN BERHARGA

Suhaily Maizan Abdul Manaf

Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Terengganu.



Sedia umum mengetahui dan merasai kekejaman wabak pandemik Covid-19 yang telah menyerang hampir seluruh negara sejak bulan Disember 2019 hingga kini. Virus jahat ini telah menjangkiti berjuta-juta manusia dan mengakibatkan sebahagian mangsa telah kehilangan insan-insan tersayang. Hingga kini tiada sebarang ubat yang dapat menyembuhkan pesakit Covid-19 ini. Namun terdapat beberapa pakar saintis dunia telah berjaya menemukan beberapa jenis vaksin yang mampu mengekang penularan wabak ini dari merebak dengan lebih dahsyat. Vaksin yang dihasilkan ini telah diperakui mampu mengaktifkan sistem imunisasi badan manusia melawan virus ini dari terus merebak dan merosakkan organ dalaman terutamanya sistem pernafasan seperti paru-paru, jantung, dan lain-lain.


Malaysia juga tidak terkecuali dari musibah ini. Seawal bulan Februari 2020, negara kita telah dikejutkan dengan kes pertama positif Covid-19 yang dilaporkan di Selangor iaitu melibatkan seorang lelaki berusia 41 tahun yang telah dijangkiti ketika menghadiri mesyuarat di Singapura yang mana beliau turut bersama delegasi antarabangsa termasuk China. Rentetan itu, kes positif Covid-19 telah meningkat dengan jumlah terkini adalah 1.61 juta rakyat Malaysia dan pemastautin sudah dijangkiti (data sehingga 25 Ogos 2021). Dari jumlah tersebut, seramai 14,818 orang telah terkorban. Ternyata angka begini amat membimbangkan.

Justeru itu, Malaysia telah menyahut seruan agar penduduk dunia mengambil vaksin yang telah dibangunkan agar ia mampu membentuk

komuniti vaksin kelompok bagi membendung penularan teruk wabak ini. Vaksin-vaksin ini telah diagihkan di beberapa Pusat Pemberian Vaksin (PPV) bermula Mac 2021 dan masih giat diteruskan agar dapat mencapai peratusan yang maksimum. Kerajaan juga turut mengalu-alukan penduduk Malaysia yang berminat untuk menjadi sukarelawan PPV bagi membantu kelancaran operasi di PPV.

Bagi menyahut seruan kerajaan dan atas dasar keperihatinan sejagat, saya telah diberikan kelapangan masa dan kesihatan tubuh badan untuk mendaftar sebagai sukarelawan PPV. Pada tanggal 10 Julai 2021, saya telah berkhidmat sebagai sukarelawan di PPV Outreach SMK Jerangau, Dungun, Terengganu bersama beberapa wakil delegasi sukarelawan di kalangan staf dan pensyarah. Tugasan dimulakan pada jam 8.00 pagi hingga jam 4.00 petang. Saya telah ditugaskan di bahagian operasi panggilan nama penerima vaksin untuk masuk ke khemah vaksin. Di bahagian ini, saya dan beberapa sukarelawan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bekerjasama dengan jururawat yang ditugaskan untuk menyuntik vaksin dan mendapatkan informasi jumlah vaksin yang masih ada. Seterusnya, saya telah memohon untuk menjadi sukarelawan di PPV Dewan Aspirasi UiTM Cawangan Terengganu pada 17 dan 18 Ogos 2021. Kali ini saya telah ditugaskan untuk menghubungi penerima-penerima vaksin yang telah mendapat temujanji di MySejahtera sama ada yang belum dan telah mengesahkan temujanji di MySejahtera. Panggilan ini amat penting bagi menentukan sama ada penerima vaksin ini sudah menerima vaksin di tempat lain atau akan hadir ke PPV mengikut masa yang ditetapkan. Penentuan ini perlu disahkan segera bagi memberi laluan kepada senarai menunggu untuk divaksin seperti ibu mengandung, yang mempunyai penyakit, yang baru sembuh dari Covid-19, yang baru bebas kuarantin, yang perlu ke luar negara untuk urusan kerja atau belajar, dan lain-lain.

Pengalaman menjadi sukarelawan PPV ini amat bermakna dan akan dikenang sampai akhir hayat. Ketika di PPV Outreach SMK Jerangau, saya telah diberi kesempatan untuk melihat pelbagai ragam dan kerenah penerima vaksin yang sedang





menunggu dipanggil untuk divaksin. Ada yang sangat sabar, ada yang kurang sabar, ada yang hadir dengan berkerusi roda, dan ada yang hampir pingsan sebelum divaksin. Manakala ketika bertugas di PPV Dewan Aspirasi, pelbagai alasan yang diterima oleh penerima vaksin yang tidak dapat hadir ke PPV. Antara alasannya ialah sudah divaksin, takut divaksin, sedang dikuarantin atau positif Covid-19, sedang menerima rawatan, dan lain-lain. Yang paling menyedihkan ialah apabila ada seorang penerima vaksin yang saya hubungi telah meninggal dunia akibat Covid-19 sebelum sempat divaksin. Innalillahi wainnailaihi rojiiun.

Sesungguhnya, pengalaman ini telah memberi seribu satu kenangan terindah buat saya yang sudah lama meninggalkan kerja-kerja khidmat masyarakat yang sering saya ikuti sejak di bangku sekolah. Selain dari memberi khidmat bakti dalam kelancaran operasi PPV, saya dapat melihat pelbagai ragam dan mendengar keluhan penerima vaksin yang masih tidak dapat slot vaksin. Ini menjadi satu keinsafan dalam diri saya dan ia akan diceritakan buat teladan anak-anak saya dan pelajar-pelajar saya akan datang. Sebagai bonus, saya telah turut mendapat slot vaksin semasa menjadi sukarelawan di PPV Outreach SMK Jerangau bagi menggantikan penerima yang tidak dapat hadir. Terima kasih banyak-banyak!

Sebelum mengakhiri nukilan ini, saya menyeru masyarakat yang masih belum divaksin untuk segera mendapatkannya jika telah tiba giliran. Covid-19 ini tidak mampu disembuhkan, namun ia mampu dibendung, di samping memperbanyakkan doa setinggi gunung berserah kepadaNya.

Rujukan

Luqman Arif Abdul Karim (February 4, 2020). Kes pertama 2019-nCov babitkan rakyat Malaysia. Carian dari <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/02/652501/kes-pertama-2019-ncov-babitkan-rakyat-malaysia>

Majlis Keselamatan Negara (2021). <https://www.mkn.gov.my/>





Photo by Polina Kuzovkova on Unsplash